

12/08/2002

Puteri tidak harapkan pencalonan pilihan raya

JOHOR BAHRU, Ahad - Puteri Umno tidak mengharap sebarang pencalonan pada pilihan raya akan datang, sebaliknya mahu memastikan ahlinya bekerja keras menyusun strategi menggerakkan jentera Umno dan mengukuhkan keyakinan masyarakat Melayu terhadap perjuangan parti itu.

Ketua Penajanya, Azalina Othman Said, berkata masih terlalu awal untuk Puteri memikirkan hasrat memperoleh pencalonan dalam pilihan raya kerana banyak tugas dan tanggungjawab dalam memperkuatkan gerakan jentera pilihan raya.

Justeru, beliau berkata, adalah lebih baik ahli Puteri memberi tumpuan sepenuhnya kepada tanggungjawab meyakinkan generasi muda mengenai perjuangan parti seterusnya menarik mereka menyertai Umno daripada memikirkan menjadi calon berikutan penambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sempena persempadanan semula kawasan pilihan raya, baru-baru ini.

"Kita serahkan sebarang keputusan (pencalonan pilihan raya) kepada Presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kerana terlalu awal untuk kita memikirkannya.

"Banyak tugas dan tanggungjawab dalam parti yang perlu kita laksanakan dan kita dapati ahli juga bersemangat dan sanggup berkerja keras membantu jentera pilihan raya Umno.

"Selain itu, ahli juga mempunyai tugas besar menerangkan kepada masyarakat Melayu mengenai peranannya selain menolak dakwaan parti pembangkang dengan membuktikan bahawa generasi muda sekarang ini masih menyokong Umno menerusi pertambahan bilangan ahli yang berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Berkelompok Penaja Puteri Umno cawangan-cawangan dalam bahagian Johor Bahru, hari ini.

Hadir sama Ketua Umno bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad dan Ketua Penaja Puteri Umno bahagian Johor Bahru, Radziah Ayub.

Azalina berkata, sehingga 7 Ogos lalu, jumlah keahlian Puteri Umno yang berdaftar ialah 92,045 orang melebihi jumlah yang disasarkan ketika pelancaran Puteri pada Ogos 2001.